## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## JUMAAT 15 FEBUARI 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.<br><br>6.<br><br>7.<br><br>8.<br>9.<br>10.<br><br>11.<br>12.<br>13.<br>14.<br>15.<br>16.<br>17.<br>18.<br>19.<br><br>20.<br><br>21.<br><br>22.<br><br>23.<br>24.<br><br>25.<br><br>26 | LIMA HALA TUJU PACU PERTANIAN, SETEMPAT, HM -21<br>LIMA HALA TUJU MOA DILANCAR, NASIONAL, SH -9<br>5 HALA TUJU PERKUKUH PENDAPATAN PETANI, PERTANIAN, BH -12<br>MENITIS AIRMATA BACA LUAHAN HATI PETANI, NELAYAN, PERTANIAN, BH -12<br>LIMA HALA TUJU PACU JAMINAN KESELAMATAN MAKANAN, NEWS,<br>UTUSAN BORNEO ONLINE -10<br>AGRICULTURE AND AGRO – BASED INDUSTRY MINISTRY UNVEILS FIVE – POINT PLAN,<br>NST -ONLINE<br>FIVE MAIN FOCUS IN DEVELOPMENT OF AGRICULTURE, NATIONAL,<br>NANYANG SIANG PAU -A3<br>LIMA HALA TUJU LONJAK SEKTOR PERTANIAN, EKONOMI, UTUSAN SARAWAK -1<br>PELAN KESELAMATAN MAKANAN DILANCAR, NEWS, UTUSAN ONLINE -3<br>SALAHUDDIN MENITIS AIRMATA BACA SURAT LUAHAN RASA PETANI, NEWS, MALAYSIA<br>MSN -6<br>MENTERI MENANGIS BACA WARKAH PETANI, MUKA DEPAN, BH -1<br>INISIATIF PERKASA PETANI, MUKA DEPAN, BH -1<br>SURAT PESAWAH KEPADA SALAHUDDIN, DALAM NEGERI, UM -3<br>GIMIK MENJADI, SALAHUDDIN MENANGIS ATAS PENTAS, DALAM NEGERI, UM -3<br>PELAN KESELAMATAN MAKANAN DILANCAR, DALAM NEGERI, UM -3<br>SALAHUDDIN MENANGIS BACA WARKAH PETANI, NASIONAL, SH -8<br>PERKUKUH SALURAN EDAR HASIL, PRODUK TANI, PERTANIAN, BH -13<br>PROGRAM SKB FOKUS KELAPA, NANAS, DURIAN, PERTANIAN, BH -13<br>WARKAH WAK IBAS 'CAIRKAN' SALAHUDDIN DI ATAS PENTAS, NEWS,<br>MALAYSIA KINI -4<br>MINISTER OF AGRICULTURE CRIED WHILE READING LETTER OF PLEA, NATION,<br>SIN CHEW DAILY -14<br>MINISTER OF AGRICULTURE LAUNCHES DEVELOPMENT BLUEPRINT, NATION,<br>SIN CHEW DAILY -14<br>MORE AUTONOMY FOR HIGHER LEARNING INSTITUTIONS,<br>NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -2<br>FOOD SECURITY PLAN RELEASED, NATION / NEWS, NST -53<br>FARMERS FROM SUNGAI BESAR BROUGHT LETTER TO MINISTER, NATION,<br>CHINA PRESS -A1, A4<br>FIVE MAIN FOCUS IN DEVELOPMENT OF AGRICULTURE, NATIONAL,<br>NANYANG SIANG PAU -A3<br>DIVERSIFYING AGRICULTURE INDUSTRY, NEWS, THE STAR<br>(METRO SOUTH AND EAST) -1,3 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 27.<br>28.<br>29. | DEPARTMENT OF AGRICULTURE, NEWS, MALAYSIAN NANBAN -4<br>LOCAL DURIANS SELL TO CHINA, NEWS, GUANG MING DAILY -A3<br>HERE'S HOW OUR DURIANS MAY BE MALAYSIA'S NEXT ENVIRONMENTAL HEADACHE,<br>NEWS, CILISOS -10 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 30.<br><br>31.<br><br>32.<br><br>33. | MELAKA KAJI PUNCA TANGKAPAN UDANG GERAGAU TERJEJAS, MASYARAKAT,<br>BH -21<br>AQUACULTURE INDUSTRY SUFFERS HUGE LOSSES FOLLOWING HK FISHING BOAT BAN,<br>NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A33<br>PENANG AQUACULTURE LOSS RM200 MIL IN INCOME WITH BAN ON HONG KONG<br>FISHING BOATS, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3<br>GOH: GOVT MEASURE SHALL NOT INCREASE BURDEN OF FISHERY OPERATORS, NATION,<br>KWONG WAH YIT POH -A5 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 34.<br><br>35. | AGRICULTURE MINISTRY STUDIES NEW POLICY TO PUT AN END ON BERNAS RICE<br>IMPORT MONOPOLY, SEE HUA SUPPLEMENT, SEE HUA DAILY NEWS (KUCHING) -4<br>AGRICULTURE MINISTRY STUDYING NEW POLICY TO END BERNAS MONOPOLY OF RICE<br>IMPORTS, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A4 | PADI BERAS NASIONAL BERHAD (BERNAS) |
| 36. | PHAHROLRAZI DILANTIK PENGERUSI AHLI JEMAAH PENGARAH NAFAS YANG BAHARU,<br>NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -13 | PERTUBUHAN PELDANG KEBANGSAAN (NAFAS) |
| 37. | RM2,000 SEKALI CAP, SETEMPAT, HM -33 | STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN (NBOS) |
| 38.<br>39.<br>40. | NELAYAN RAYU BANTUAN SARA HIDUP, DALAM NEGERI, UM -10<br>HIDUP IBARAT KAIS PAGI MAKAN PAGI, DALAM NEGERI, UM -10<br>APA LANGKAH KERAJAAN PH MAJUKAN INDUSTRI TERNAKAN NEGARA?, NASIONAL,<br>HARAKAH -N26 | LAIN – LAIN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/2/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 21 |

# Lima hala tuju pacu pertanian



SALAHUDDIN melancarkan Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di MAEPS Serdang.

**Serdang:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengemukakan lima hala tuju ke arah memacu jaminan keselamatan makanan negara dan meningkatkan pendapatan sektor pertanian.

Menterinya Datuk Salahuddin Ayub berkata, dokumen dirangka berpaksikan sekuriti makanan, pembangunan ekonomi luar bandar serta penggalakan pelaburan swasta dan perdagangan antarabangsa itu antara lain bermatlamat mengeluarkan golongan petani, nelayan dan penternak daripada belenggu kemiskinan.

Beliau berkata, hasrat kerajaan melalui lima hala tuju yang menunjangi dokumen itu dicapai melalui pelaksanaan 18 strategi dan 51 inisiatif dalam memastikan industri pertanian menjadi lebih berdaya saing.

"Hala tuju pertama meliputi usaha memoden dan meningkatkan pengeluaran pertanian bagi menjamin kestabilan bekalan dan harga makanan negara dengan memberikan penekanan dalam subsektor padi, ruminan dan perikanan.

"Untuk hala tuju kedua, kementerian merancakkan penglibatan pelaburan swasta dalam pertanian secara komersial serta meningkatkan dagangan eksport pertanian," katanya ketika melancarkan Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Prioriti dan Strategi 2019-2020 di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini, semalam.

Salahuddin berkata, hala tuju ketiga meliputi perkara menjadikan pertanian sebagai sumber pendapatan mapan dan kukuh serta menguntungkan untuk petani, penternak, nelayan dan agropreneur muda.

Beliau berkata, menambah baik ekosistem industri pertanian untuk menyokong pemodenan pertanian, pelaburan sektor swasta dan aktiviti pengembangan untuk petani, penternak dan nelayan diletakkan sebagai hala tuju keempat.

"Dokumen itu diakhiri dengan hala tuju kelima iaitu memperkukuh struktur organisasi jabatan dan agensi di bawah kementerian untuk menambah baik sistem penyampaian serta tadbir urus kementerian," katanya.

Salahuddin berkata, dalam melaksanakan dokumen hala tuju itu, kementerian bertekad menjadikan pertanian sebagai penyumbang penting ekonomi negara, sekali gus mengeluarkan golongan itu daripada terperangkap dalam golongan B40.

Beliau berkata, beberapa langkah dirangka bagi memperkukuh sektor agromakanan negara, antaranya membangunkan pangkalan data agromakanan ke arah memastikan setiap perancangan dilaksanakan dengan tepat dan berkesan. -BERNAMA.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/2/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 9 |

# Lima hala tuju MOA dilancar

***Fokus majukan sektor pertanian, perikanan, keselamatan makanan negara***

SITI AZIELAH WAHI

**SERDANG**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memperkenalkan lima hala tuju baharu dalam usaha memacu sektor pertanian di negara ini bagi tempoh 2019-2020.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata prioriti dan strategi itu dirangka berasaskan tiga dimensi sektor agro makanan iaitu keselamatan makanan negara; pembangunan ekonomi luat bandar; serta pelaburan swasta dan perdagangan antarabangsa.

Menurutnya, hala tuju itu dibuat selepas menganalisis kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman dalam kementerian itu.

"Untuk menangani isu dan cabaran yang ada maka dokumen yang mengandungi lima hala tuju, yang akan dicapai dengan 18 strategi dan 51 inisiatif," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani: Prioriti & Strategi 2019-2020 di Dewan D Maeps, di sini semalam.

Salahuddin berkata hala tuju pertama yang akan dilaksanakan meliputi usaha memoden dan meningkatkan pengeluaran pertanian bagi menjamin kestabilan bekalan dan harga makanan negara dengan memberikan penekanan dalam subsektor padi, ruminan dan perikanan.

"Sementara bagi hala tuju kedua, kementerian akan merancakkan penglibatan pelaburan swasta dalam pertanian secara komersial serta meningkatkan dagangan eksport pertanian.

Manakala hala tuju ketiga meliputi perkara menjadikan pertanian sebagai satu sumber pendapatan yang mampan dan kukuh serta menguntungkan untuk petani, penternak, nelayan dan agropreneur muda," ujarnya.

Selain itu katanya, hala tuju keempat pula adalah menambahbaik ekosistem industri pertanian untuk menyokong pemodenan pertanian, pelaburan sektor swasta dan aktiviti pengembangan untuk petani, penternak dan nelayan.

Manakala hala tuju kelima iaitu memperkukuh struktur organisasi jabatan dan agensi di bawah kementerian untuk menambah baik sistem penyampaian serta tadbir urus kementerian.

Salahuddin berkata dalam melaksanakan dokumen hala tuju itu, kementerian bertekad menjadikan pertanian sebagai penyumbang penting ekonomi negara, sekaligus mengeluarkan golongan itu daripada terperangkap dalam golongan B40.

Beliau berkata beberapa langkah telah dirangka untuk dilaksanakan bagi memperkukuh sektor agromakanan negara, antaranya membangunkan pengkalan data agromakanan negara ke arah memastikan setiap perancangan dilaksanakan dengan tepat dan berkesan.

Selain itu, kementerian juga akan mengkaji semula dasar dan polisi yang 'counter-productive' dan merencatkan pelaksanaan perubahan yang hendak dibawa dan menggantikannya dengan polisi yang bersifat 'mesra pertanian' yang berupaya mengubah lanskap industri agromakanan negara, katanya.

Sementara itu, salahuddin pada sidang medianya berkata, dokumen tersebut tidak berlawanan atau bertindih dengan Dasar Agromakanan Negara (DAN) sebaliknya hala tuju yang digariskan dirangka bagi menyokong dasar berkenaan.

"Selain berdepan kekangan kewangan, kementerian juga sedang dalam proses pemutihan senarai penerima dan bantuan itu akan dikembalikan apabila situasi kewangan negara pulih," katanya.

FOTO: ASRIL ASWANDI SHUKOR



Salahuddin menandatangani plak pelancaran program, semalam.




| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/2/2019 | BERITA HARIAN | PERTANIAN | 12 |

# PERTANIAN

[FOTO ASYRAF HAMZAH /BH]




*Pegawai Komunikasi Strategik Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Nur Azwani Azizan menunjukkan buku Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani selepas dilancarkan di MAEPS, Serdang, semalam.*

PELAN INDUK KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

## 5 hala tuju perkukuh pendapatan petani

Kementerian fokus hadapi isu sektor pertanian, agromakanan


**Oleh Junita Mat Rasid dan Rohaniza Idris**
bhnews@bh.com.my


**Serdang**

Menjadikan pertanian sebagai sumber pendapatan mapan serta menguntungkan petani, penternak, nelayan dan usahawan tani muda antara lima hala tuju dimasukkan dalam Pelan Induk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani: Prioriti dan Strategi 2019-2020.

Mengumumkan pelan induk berkenaan semalam, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata dokumen yang dirangka itu antara lain bermatlamat mengeluarkan golongan petani, nelayan dan penternak daripada belenggu kemiskinan.

Lima hala tuju menunjangi dokumen itu akan dicapai melalui pelaksanaan 18 strategi dan 51 inisiatif dalam memastikan industri pertanian menjadi lebih berdaya saing.

"Hala tuju pertama meliputi usaha memoden dan meningkatkan pengeluaran pertanian bagi menjamin kestabilan bekalan dan harga makanan negara dengan memberikan penekanan dalam subsektor padi, ruminan dan perikanan.

"Untuk hala tuju kedua, kementerian akan merancakkan pembabitkan pelaburan swasta dalam pertanian secara komersial serta meningkatkan dagangan eksport pertanian," katanya ketika melancarkan Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani "Prioriti dan Strategi 2019-2020" di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini.

### Sumber pendapatan mapan

Salahuddin berkata, hala tuju ketiga meliputi perkara menjadikan pertanian sebagai satu sumber pendapatan yang mapan dan kukuh serta menguntungkan untuk petani, penternak, nelayan dan agropreneur muda.

Beliau berkata menambahbaik ekosistem industri pertanian untuk menyokong pemodenan pertanian, pelaburan sektor swasta dan aktiviti pengembangan untuk petani, penternak dan nelayan diletakkan sebagai hala tuju keempat.

Dokumen itu diakhiri dengan hala tuju kelima iaitu memperkukuh struktur organisasi jabatan dan agensi di bawah kementerian untuk menambah baik sistem penyampaian serta tadbir urus kementerian, katanya.

Dalam melaksanakan dokumen hala tuju itu, Salahuddin berkata, kementerian bertekad menjadikan pertanian sebagai penyumbang penting eknomi negara, sekali gus mengeluarkan golongan itu daripada terperangkap dalam golongan B40.

Beliau berkata, beberapa langkah sudah dirangka untuk dilaksanakan bagi memperkukuh sektor agromakanan negara, antaranya membangunkan pengkalan data agromakanan negara ke arah memastikan setiap perancangan dilaksanakan dengan tepat dan berkesan.

### Pelan induk komprehensif

Katanya kementerian juga akan bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk membangunkan satu pelan induk yang komprehensif untuk pembangunan tanah bagi tujuan pertanian serta menyelesaikan isu-isu berkaitan tanah untuk pertanian.

Selain itu, kementerian juga akan mengkaji semula dasar yang *counter-productive* dan merencatkan pelaksanaan perubahan yang hendak dibawa dan menggantikannya dengan dasar bersifat 'mesra pertanian' yang berupaya mengubah landskap industri agromakanan negara.

"Biarpun Kerajaan Pakatan Harapan (PH) belum berusia setahun, kami komited untuk segera ke hadapan melaksanakan tanggungjawab membawa agenda perubahan yang diinginkan rakyat," katanya.

Beliau berkata, hala tuju itu ditetapkan kerana pelbagai cabaran dihadapi sektor pertanian yang menggugat keselamatan makanan seperti perubahan iklim, ketidakstabilan harga input dan hasil pertanian, serta penyakit pada tanaman dan ternakan.

Sementara itu, Salahuddin pada sidang medianya berkata, dokumen itu tidak beriawanan atau bertindih dengan Dasar Agromakanan Negara (DAN) sebaliknya hala tuju yang digariskan dirangka bagi menyokong dasar berkenaan.

Beliau berkata, lima hala tuju itu menjadi tonggak penting kepada strategi, pendekatan sangat relevan dalam usaha membantu petani, penternak dan nelayan.

Berhubung bantuan sara hidup dibangkitkan golongan itu, Salahuddin berkata pembentangan hala tuju bukan medan untuk mengumumkan perkara sebegitu dan menegaskan kerajaan tidak pernah menghapuskan insentif yang dinikmati kumpulan petani, penternak dan nelayan sebelum ini.

"Selain berdepan kekangan kewangan, kementerian juga sedang dalam proses pemutihan senarai penerima dan bantuan itu akan dikembalikan apabila situasi kewangan negara pulih," katanya.

**Info**

**5 hala tuju pelan induk**

- → **memoden dan meningkatkan** pengeluaran pertanian
- → **merancakkan pembabitan** pelaburan swasta
- → **menjadikan pertanian** sumber pendapatan mapan dan kukuh
- → **menambahbaik ekosistem** industri pertanian
- → **memperkukuh struktur** organisasi jabatan dan agensi di bawah kementerian

## Menitis air mata baca luahan hati petani, nelayan

**Serdang:** Menteri Pertanian dan Industri Asas, Datuk Salahuddin Ayub menitiskan air mata ketika membaca surat yang diserahkan seorang petani pada majlis pelancaran hala tuju kementeriannya di sini, semalam.

Suara beliau tersekat-sekat ketika membaca surat itu yang mengundang rasa sedih hadirin pada majlis berkenaan, malah ada hadirin turut menitiskan air mata.

Surat berkenaan diserahkan wakil petani daripada Pertubuhan Peladang Kawasan Sungai Besar, Ibas Hamud,77, ke tangan Salahuddin sendiri sebagai gimik pelancaran hala tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

### Tiada lagi elaun sara diri

Surat yang dibaca Salahuddin itu antara lain meluahkan kebimbangan dan kegusaran petani serta nelayan dengan pemotongan elaun sara diri kumpulan itu.

Ibas yang dipanggil Wak Ibas turut berada di atas pentas ketika surat itu dibaca Salahuddin.

Ketika sebak membaca surat itu, isteri Sallahuddin, Datin Fatimah Taha yang dilihat mengesat air matanya dengan tisu, turut menenangkan suaminya dengan menepuk-nepuk bahunya.

Selesai membaca surat itu, Salahuddin berkata, selagi memimpin kementerian itu, beliau akan berusaha memastikan golongan petani dan nelayan terus di bantu.

Sallahuddin kemudian menjemput Ibas minum kopi bersama beliau dan aksi Salahuddin yang bersahaja meminta maaf kepada Ibas kerana tidak menyediakan kuih-muih, mengundang ketawa hadirin.

Salahuddin berkata, walaupun surat diserahkan Ibas hanya gimik pelancaran, tetapi isi kandungan surat berkenaan adalah luahan sebenar petani dan nelayan.



***Salahuddin menangis membaca surat dibawa Ibas (kiri)** pada majlis pelancaran Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di MAEPS, Serdang, semalam.*

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Lima hala tuju pacu jaminan keselamatan makanan | | |
| MediaTitle | Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/) | | |
| Date | 15 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 450 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,350 |

# Lima hala tuju pacu jaminan keselamatan makanan

PELANCARAN: Salahuddin (tengah) menandatangani plak pada Majlis Pelancaran Hala Tuju Kementerian Pertanian Industri Asas Tani 'Prioriti dan Strategi 2019 hingga 2020' di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) semalam. — Gambar Bernama
SERDANG: Kementeria...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/2/2019 | NEW STRAITS TIMES | ONLINE | |

# Agriculture and Agro-based Industry Ministry unveils five-point plan




The Agriculture and Agro-based Industry Ministry has unveiled a five-point plan geared towards ensuring national food security and boost revenue in the agriculture sector. (NSTP/ASYRAF HAMZAH)

SERDANG: The Agriculture and Agro-based Industry Ministry has unveiled a five-point plan geared towards ensuring national food security and boost revenue in the agriculture sector.

Its minister Datuk Salahuddin Ayub said the document, which centres on food security, rural economic development as well as spurring domestic investment and international trade, among others aims to free farmers, fishermen and livestock breeders from the shackles of poverty.

He said the government's mission via the five points will be achieved via the execution of 18 strategies and 51 initiatives to ensure that the agricultural industry becomes even more competitive.

"The first point covers efforts to modernise and increase agricultural production to ensure supply stability and the nation's food prices by stressing on the paddy, ruminants as well as fisheries sub sectors.

"The second point will see the ministry spur private sector investment in agriculture commercially, as well as increase agricultural trade export," he said.

Salahuddin was speaking at the launch of the Agriculture and Agro-based Industry Ministry's Direction 'Priorities and Strategies 2019 - 2020' at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) here on Thursday.

The third point, he said, covers efforts to make agriculture a solid, sustainable and profitable revenue source for farmers, livestock breeders, fishermen and young agropreneurs.

The fourth direction, he said, involves improving the agricultural industry ecosystem to support agriculture modernisation, domestic private sector investment and expansion activities for farmers, livestock breeders and fishermen.

The document concludes with the fifth point, which is to strengthen the organisational structure of the ministry's departments and agencies to improve the delivery system and administration.

Salahuddin said, in executing the plan, the ministry aims to make agriculture a key contributor to the economy, thus freeing its players from the B40 segment.

He said the ministry has devised several measures to strengthen the nation's agro-food sector, including establishing a national agro-food database, with a view towards ensuring that all plans are carried out precisely and effectively.

He said the ministry will also work with state governments to develop a comprehensive master plan on land development for agricultural purposes, as well resolve land-related issues.

Salahuddin said the ministry will also review all counterproductive policies which could stunt the planned changes, and replace them with agricultural-friendly policies which could transform the country's agro-food industry landscape.

Meanwhile, Salahuddin, in a press conference later, said the document does not contradicting or overlap with the National Agro-Food Policy. The new directions, instead, complement the policy.

He said the five points will serve as a key aspect of the strategy and approaches in the government's bid to help farmers, breeders and fishermen.

On calls by the group for cost of living aid, Salahuddin said the presentation of the new direction is not a suitable place to announce such matters, and stressed that the government has not done away with incentives enjoyed by the group.

"Apart from being faced with financial constraints, the ministry is also in the process of cleaning up the list of recipients. The aid will resume once the nation's financial situation recovers," he said.

Meanwhile, Salahuddin was visibly moved and shed tears when he read a letter addressed to him by a farmer during the launch.

The letter, written by 77-year-old Ibas Hamud, a representative of the Sungai Besar Farmers Association, conveyed the fears and concerns by the farming and fishermen communities over the cancellation of their cost-of-living allowances.

After reading the letter, Salahuddin pledged that as long as he is the minister, he would ensure that the livelihood of the communities would be looked after.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Five main focus in development of Agrilculture | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 15 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A3 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 1861 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 23,409 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 70,227 |



## 推动国家粮食安全

# 5方向促进农业发展

（布城14日讯）农业及农基工业部今天推出五大方向，以推动国家粮食安全保障以及提高农业领域的收入。

农业部长拿督沙拉胡丁说，拟定的五大方向主要锁定在粮食安全，乡村经济发展、促进私人投资以及国际贸易等，及协助农民、饲养者及渔民脱离贫困。



沈志勤（右起）、沙拉胡丁、法蒂玛及莫哈末沙拉胡丁为"农业部方向：2019年－2020年优先与政策"主持推介仪式。

## 6月呈数项新法案

## 修正国稻垄断政策

## 与粮食政策没重叠

## 重划土地惠益各造

## 大马农业粮食工业不泰越

## 誓辞退涉滥权官员

### 农业及农基工业部5大方向

- 提高农产及先进化，确保粮食供应及价格稳定；
- 加速私人界农业投资及商业化，提高农产品出口；
- 推动农业为可持续发展及稳拥的收入来源，以利惠农民、饲养者、农夫及青年农业企业家；
- 改善及提升农业生态系统，以支持先进化农业、私人领域投资及农业活动发展；
- 强化农业部属下各局及机构的结构，以改善行政交付系统。

### 修复国家农粮生态10大措施

- 发展国家农业大数据系统
- 与州政府和相关单位合作，制定农地发展和管理范围，以及涉及土地课题的解决方案
- 重新检讨"应生产"政策和终止相关政策所带来的改变
- 发展"农作物保险"
- 确保政府准备的设施符合领域需求和标准
- 成立特别投资单位，简化私人界在农业领域的投资
- 委任独立机构来研究和提出加强农业部结构组织的建议
- 研究全国农民组织和全国渔民协会（NEKMAT）的新结构模式
- 同心协力吸引青年农业企业家投身现代化国家农业领域
- 建立国家食物安全指标



沙拉胡丁（中）读出依寄斯哦农民的感谢信件时，流下男儿泪。拿汀法蒂玛（右）也在旁拭泪。

## 农民一封信

# 沙拉胡丁泪洒当场

## 2.9亿微贷供申请

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Lima hala tuju lonjak sektor pertanian | | |
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 15 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | EKONOMI | Circulation | 37,981 |
| Page No | 1 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 500 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,562 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 7,687 |






**MENTERI Pertanian** dan Industri Asas Tani Datuk Salahuddin Ayub (tengah) bersalaman dengan tetamu pada Majlis Pelancaran Hala Tuju Kementerian Pertanian Industri Asas Tani 'Prioriti dan Strategi 2019 hingga 2020' di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) baru-baru ini. – Foto BERNAMA

# Lima hala tuju lonjak sektor pertanian

**SERDANG:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengemukakan lima hala tuju ke arah memacu jaminan keselamatan makanan negara dan meningkatkan pendapatan sektor pertanian.

Menterinya Datuk Salahuddin Ayub berkata dokumen yang dirangka berpaksikan sekuriti makanan, pembangunan ekonomi luar bandar serta penggalakan pelaburan swasta dan perdagangan antarabangsa itu antara lain bermatlamat mengeluarkan golongan petani, nelayan dan penternak daripada belenggu kemiskinan.

Beliau berkata hasrat kerajaan melalui lima hala tuju yang menunjangi dokumen itu akan dicapai melalui pelaksanaan 18 strategi dan 51 inisiatif dalam memastikan industri pertanian menjadi lebih berdaya saing.

"Hala tuju pertama meliputi usaha memoden dan meningkatkan pengeluaran pertanian bagi menjamin kestabilan bekalan dan harga makanan negara dengan memberikan penekanan dalam subsektor padi, ruminan dan perikanan.

"Untuk hala tuju kedua, kementerian akan merancakkan penglibatan pelaburan swasta dalam pertanian secara komersial serta meningkatkan dagangan eksport pertanian," katanya ketika melancarkan Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani "Prioriti dan Strategi 2019-2020" di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini semalam.

Salahuddin berkata hala tuju ketiga meliputi perkara menjadikan pertanian sebagai satu sumber pendapatan yang mampan dan kukuh serta menguntungkan untuk petani, penternak, nelayan dan agropreneur muda.

Beliau berkata menambahbaik ekosistem industri pertanian untuk menyokong pemodenan pertanian, pelaburan sektor swasta dan aktiviti pengembangan untuk petani, penternak dan nelayan diletakkan sebagai hala tuju keempat.

Dokumen itu diakhiri dengan hala tuju kelima iaitu memperkukuh struktur organisasi jabatan dan agensi di bawah kementerian untuk menambah baik sistem penyampaian serta tadbir urus kementerian, katanya.

Salahuddin berkata dalam melaksanakan dokumen hala tuju itu, kementerian bertekad menjadikan pertanian sebagai penyumbang penting eknomi negara, sekaligus mengeluarkan golongan itu daripada terperangkap dalam golongan B40.

Beliau berkata beberapa langkah telah dirangka untuk dilaksanakan bagi memperkukuh sektor agromakanan negara, antaranya membangunkan pengkalan data agromakanan negara ke arah memastikan setiap perancangan dilaksanakan dengan tepat dan berkesan.

Katanya kementerian juga akan bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk membangunkan satu pelan induk yang komprehensif untuk pembangunan tanah bagi tujuan pertanian serta menyelesaikan isu-isu berkaitan tanah untuk pertanian.

Selain itu, kementerian juga akan mengkaji semula dasar dan polisi yang 'counter-productive' dan merencatkan pelaksanaan perubahan yang hendak dibawa dan menggantikannya dengan polisi bersifat 'mesra pertanian' yang berupaya mengubah lanskap industri agromakanan negara, katanya.

Sementara itu, Salahuddin dalam sidang medianya berkata dokumen tersebut tidak berlawanan atau bertindih dengan Dasar Agromakanan Negara (DAN) sebaliknya hala tuju yang digariskan dirangka bagi menyokong dasar berkenaan.

Beliau berkata lima hala tuju itu menjadi tonggak penting kepada strategi, pendekatan yang sangat relevan dalam usaha kerajaan membantu petani, penternak dan nelayan.

Berhubung bantuan sara hidup yang dibangkitkan golongan itu, Salahuddin berkata pembentangan hala tuju bukan medan untuk mengumumkan perkara sebegitu dan menegaskan kerajaan tidak pernah menghapuskan insentif dinikmati kumpulan petani, penternak dan nelayan sebelum ini.

"Selain berdepan kekangan kewangan, kementerian juga sedang dalam proses pemutihan senarai penerima dan bantuan itu akan dikembalikan apabila situasi kewangan negara pulih," katanya. - Bernama

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pelan keselamatan makanan dilancar | | |
| MediaTitle | Utusan Online(www.utusan.com.my) | | |
| Date | 15 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 3 |
| Order Rank | 3 | Readership | 8 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,500 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,500 |

# Pelan keselamatan makanan dilancar

KUALA LUMPUR 14 Feb. - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengemukakan lima hala tuju ke arah memacu jaminan keselamatan makanan negara dan meningkatkan pendapatan sektor pertanian. Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, dokumen yang dirang...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Salahuddin menitis air mata baca surat luahan rasa petani | | |
| MediaTitle | Malaysia MSN(malaysia.msn.com) | | |
| Date | 15 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 1 |
| Order Rank | 6 | Readership | 5 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 350 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,050 |

# Salahuddin menitis air mata baca surat luahan rasa petani

SERDANG: Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, menitiskan air mata ketika membaca surat yang diserahkan seorang petani pada majlis pelancaran hala tuju kementeriannya di sini, hari ini.
Suara beliau tersekat-sekat ketika membac...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/2/2019 | BERITA HARIAN | MUKA DEPAN | 1 |

**Jumaat. 15.02.2019**
10 Jamadilakhir 1440H

Harga: RM1.50
Tel: 1 300 22 6787
PP 414/10/2012(030686)

**KOS TUNAI HAJI KALI PERTAMA GUNA MUASSASAH KEKAL RM9,980** Ms.2

BH
Berita Harian
MERENTAS GENERASI www.bharian.com.my

PRK DUN SEMENYIH

**PERTEMBUNGAN ANAK MUDA DENGAN VETERAN** Ms.8



INKUES KEMATIAN MUHAMMAD ADIB

**"SAYA DENGAR DUA KALI JERITAN PUKUL BOMBA"**
*Saksi ketujuh* Ms.14

[FOTO ASYRAF HAMZAH / BH]





**Menteri menangis baca warkah petani**

# INISIATIF PERKASA PETANI

Meningkatkan pendapatan petani, penternak dan nelayan adalah fokus Pelan Induk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani: Prioriti dan Strategi 2019-2020. Ia termasuk meneroka sumber kekayaan baharu, perkasa industri hiliran, jana wang melalui Projek Pertanian Rakyat, kukuhkan saluran pemasaran dan kurangkan pergantungan kepada orang tengah → **Ms.12, 13**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/2/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 3 |

## Surat pesawah kepada Salahuddin

**PERISTIWA** Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub menangis selepas membaca surat daripada seorang pesawah ketika Majlis Pelancaran Hala Tuju kementeriannya di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Kuala Lumpur, semalam menarik perhatian ramai. Berikut merupakan kandungan surat yang diserahkan kepada Salahuddin oleh pesawah, Ibas Hamud.

*Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh.*

*Ke hadapan YB (Yang Berhormat) yang dihormati, semoga dirahmati Allah SWT.*

*Pertama sekali, terima kasih sebab sudi terima surat pak cik ini.*

*YB, Pakcik ini dah berpuluh tahun buat sawah. Itulah sumber pak cik cari makan. Tapi bila YB jadi Menteri, YB potong subsidi baja kami. YB tahu tak kami ini susah?*

*YB Sebagai Menteri Pertanian, sepatutnya jaga kebajikan kami. Ini tidak, elaun sara hidup nelayan pun YB potong. Sudahlah mereka ini tertindas, bersabung nyawa tengah laut, tapi terpaksa jual murah. Sedangkan dekat pasar harga ikan bukan main mahal. YB nampak tak semua ni?*

*YB, Itu baru cerita padi dan ikan. Untuk pengetahuan YB, petani lain pun ramai kecewa. Baik yang buat sawit, getah, semua gelisah harga jatuh. Yang buat cili, yang buat kambing semua pening hasil tak laku sebab cili Vietnam dan daging import terlampau murah. Kalau terus macam ini YB, baik YB tukar saja slogan "Pertanian suatu Perniagaan". Tukar jadi "Kita import je hasil pertanian". Biar semua tahu, tak ada untung buat pertanian.*

*YB, Pakcik luahkan ini, bukan nak marah. Cuma nak YB betul-betul faham apa yang kami rasa kat bawah ini.*

*Akhir kata, kalau YB betul-betul ikhlas nak bantu kami, simpanlah elok-elok surat ini.*

*Pakcik akhiri dengan memohon maaf kalau terkasar bahasa. Insya-Allah, pakcik tetap doakan YB Berjaya.*

*Wassalam.*

*Ikhlas dari isi hati,*
**Haji Ibas bin Hamud**
Parit 10 Sungai Besar, Selangor

## Gimik menjadi, Salahuddin menangis atas pentas

**KUALA LUMPUR 14 Feb.** - Usaha para pegawai Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk 'menyedarkan' menteri mereka, Datuk Salahuddin Ayub tentang kesukaran hidup golongan petani dan nelayan di negara ini nampaknya berhasil.



IBAS HAMUD

Dalam Majlis Pelancaran Hala Tuju kementerian itu di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), dekat sini hari ini, Salahuddin menangis teresak-esak ketika membacakan surat daripada seorang pesawah Ibas Hamud, 77, di atas pentas.

Penyerahan surat itu adalah antara gimik yang diatur untuk majlis tersebut.

Dengan iringan bunyi seruling yang meruntun hati, Salahuddin mula menangis setelah membaca beberapa baris pertama surat tersebut yang antara lain menegur kementeriannya yang dianggap melupakan kebajikan para petani, pesawah, penternak dan nelayan di negara ini.

Salahuddin yang teresak-esak menangis selepas tamat membaca surat tersebut akhirnya bertenang dan menjelaskan pendiriannya dalam isu kebajikan petani.

"Selagi nyawa dikandung badan dan saya diberikan amanah menerajui kementerian ini, saya akan membela nasib warga petani dan nelayan," tegasnya.

# Pelan keselamatan makanan dilancar

■ **KUALA LUMPUR 14 FEB.**

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Asas Tani mengemukakan lima hala tuju ke arah memacu jaminan keselamatan makanan negara dan meningkatkan pendapatan sektor pertanian.



SALAHUDDIN Ayub (dua dari kanan) menunjukkan buku 'Prioriti dan Strategi 2019 hingga 2020' yang dilancarkan di Serdang, Selangor semalam. - BERNAMA

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, dokumen yang dirangka berpaksikan sekuriti makanan, pembangunan ekonomi luar bandar serta penggalakan pelaburan swasta dan perdagangan antarabangsa itu antara lain bermatlamat mengeluarkan golongan petani, nelayan dan penternak daripada belenggu kemiskinan.

Beliau berkata, hasrat kerajaan melalui lima hala tuju yang menunjangi dokumen itu akan dicapai melalui pelaksanaan 18 strategi dan 51 inisiatif dalam memastikan industri pertanian menjadi lebih berdaya saing.

"Hala tuju pertama meliputi usaha memoden dan meningkatkan pengeluaran pertanian bagi menjamin kestabilan bekalan dan harga makanan negara dengan memberikan penekanan dalam subsektor padi, ruminan dan perikanan.

"Untuk hala tuju kedua, kementerian akan merancakkan penglibatan pelaburan swasta dalam pertanian secara komersial serta meningkatkan dagangan eksport pertanian," katanya ketika melancarkan Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani 'Prioriti dan Strategi 2019-2020' di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) dekat sini hari ini.

Salahuddin berkata, hala tuju ketiga meliputi perkara menjadikan pertanian sebagai satu sumber pendapatan yang mampan dan kukuh serta menguntungkan untuk petani, penternak, nelayan dan agropreneur muda.

Beliau berkata, menambahbaik ekosistem industri pertanian untuk menyokong pemodenan pertanian, pelaburan sektor swasta dan aktiviti pengembangan untuk petani, penternak dan nelayan diletakkan sebagai hala tuju keempat.

Dokumen itu diakhiri dengan hala tuju kelima iaitu memperkukuh struktur organisasi jabatan dan agensi di bawah kementerian untuk menambah baik sistem penyampaian serta tadbir urus kementerian, katanya.

Salahuddin berkata dalam melaksanakan dokumen hala tuju itu, kementerian bertekad menjadikan pertanian sebagai penyumbang penting eknomi negara, sekali gus mengeluarkan golongan itu daripada terperangkap dalam golongan B40.

Beliau berkata, beberapa langkah telah dirangka untuk dilaksanakan bagi memperkukuh sektor agromakanan negara, antaranya membangunkan pangkalan data agromakanan negara ke arah memastikan setiap perancangan dilaksanakan dengan tepat dan berkesan. - BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/2/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 8 |

# Salahuddin menangis baca warkah petani

FOTO ASRIL ASWANDI SHUKOR



Salahuddin (kanan) kelihatan sebak ketika membaca surat rintihan penduduk kampung yang dibawa oleh Ibas, semalam.

***Luahan hati petani yang kecewa elaun sara hidup, subsidi dipotong***

SITI AZIELAH WAHI

**SERDANG**

Sepucuk warkah yang dititipkan seorang petani dari Sungai Besar, Ibas Hamud menjentik jiwa Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub sehingga membuatkan menteri itu menangis.

Warkah ringkas yang diserahkan sendiri kepada Salahuddin pada Majlis Pelancaran Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani: Prioriti dan Strategi 2019-2019 di Dewan Maeps itu mengandungi luahan hati petani tersebut yang kecewa apabila elaun sara hidup dan subsidi kerajaan kepada golongan berkenaan dipotong.

Salahuddin ketika membacakan warkah tesebut menangis teresak-esak, manakala hadirin lain yang membanjiri Dewan D Maeps, turut mengalirkan air mata.

"Saya berjanji selagi hayat dikandung badan, saya akan melaksanakan tanggungjawab dan amanah ini.

"Nafas petani adalah nafas saya, keringat petani adalah keringat saya dan darah petani adalah darah saya," katanya.

Terdahulu dalam satu video yang disiarkan sebelum ucapan perasmian Salahuddin, Ibas menunggang motosikal berseorangan dari Sungai Besar menuju ke ibu negara melalui laluan pekan dan lebuh raya.

Dengan menunggang motosikal Modenas yang agak uzur, Ibas turut berdepan kesukaran apabila motosikal itu kehabisan minyak sebelum dibantu seseorang dan meneruskan perjalanan ke Dewan Maeps, semata-mata ingin menyerahkan warkah berkenaan.

Ibas kemudiannya muncul di dalam dewan dan menyerahkan warkah yang ditulisnya kepada Salahuddin sebelum menteri itu membacanya.

Sementara itu, Salahuddin berkata, warkah tersebut adalah simbolik hasrat hati petani, penternak dan nelayan yang menjadi benteng pertahanan keselamatan negara.

"Berdekad lamanya mereka bekerja membanting tulang empat kerat, malah menyabung nyawa membekalkan sumber makanan asas untuk rakyat Malaysia.

"Mereka juga terperangkap dalam dalam kitaran sosio-ekonomi yang tidak berubah sekian lama,"katanya.

Salahuddin turut mempersoalkan apakah yang akan berlaku kepada benteng pertahanan makanan negara sekiranya golongan itu tidak lagi mampu menanggung beban berkenaan.

***Saya berjanji selagi hayat dikandung badan, saya akan melaksanakan tanggungjawab dan amanah ini."***

*- Salahuddin*



Salahuddin (kanan) memeluk Ibas selepas membaca surat yang dibawa untuknya pada majlis, semalam.

***WARKAH PETANI***

Assalamualaikum w.b.t.
Ke hadapan YB yang dihormati,
Semoga dirahmati ALLAH SWT
Pertama sekali, terima kasih sebab sudi terima surat pakcik ni.
YB,
Pakcik ni dah berpuluh tahun buat sawah.
Itulah sumber pakcik cari makan.
Tapi bila YB jadi Menteri,
YB potong subsidi baja kami.
YB tahu tak kami ni susah.
YB sebagai Menteri Pertanian,
sepatutnya jaga kebajikan kami.
Ini tidak, elaun sara hidup nelayan pun YB potong.
Sudahlah mereka ni tertindas.
Bersabung nyawa tengah laut,
tapi terpaksa jual murah.
Sedangkan dekat pasar harga ikan bukan main mahal.
YB nampak tak semua ni?
YB,
Itu baru cerita padi dan ikan.
Untuk pengetahuan YB, petani lain pun ramai kecewa.
Baik yang buat sawit, getah,
semua gelisah harga jatuh.
Yang buat cili, yang buat kambing, semua pening hasil tak laku.
Sebab cili Vietnam dan daging import terlampau murah.
Kalau terus macamni YB, baik YB tukar je slogan 'Pertanian suatu perniagaan'.
Tukar jadi 'Kita import je hasil pertanian'.
Biar semua tahu,
takda untung buat pertanian.
YB,
Pakcik luahkan ni,
bukan nak marah.
Cuma nak YB betul-betul faham apa yang kami rasa kat bawah ni.
Akhir kata,
Kalau YB betul-betul ikhlas nak bantu kami,
Simpanlah elok-elok surat ni.
Pakcik akhiri dengan memohon maaf kalau terkasar bahasa.
Insya-ALLAH, pakcik tetap doakan YB berjaya.
Wassalam.

Ikhlas dari isi hati,
*Haji Ibas bin Hamud*
*Parit 10*
*Sungai Besar, Selangor*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/2/2019 | BERITA HARIAN | PERTANIAN | 13 |



# Perkukuh saluran edar hasil, produk tani

- Langkah elak usahawan terlalu bergantung orang tengah

**Kuala Lumpur**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mahu mengukuhkan saluran pengedaran dan pemasaran hasil serta produk tani dalam usaha mengurangkan kebergantungan melampau kepada orang tengah bagi mengelak manipulasi harga pasaran.

Kebergantungan yang tinggi kepada orang tengah juga menjejaskan pulangan pendapatan yang munasabah kepada mereka usahawan tani.

Ia terkandung dalam hala tuju keempat pelan induk Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani: Prioriti & Strategi 2019 - 2020.

Bagi mengurangkan kebergantungan itu, kementerian akan menyediakan peluang pasaran, khususnya pada peringkat runcit untuk memberi peluang kepada usahawan tani mendapatkan keuntungan lebih tinggi dan memahami kehendak pengguna.

Beberapa program khusus sedang dilaksanakan, antaranya Pasar Tani, Agrobazar Kedai Rakyat, Agrobazaar Rakyat, Agrobazaar K-Shoppe dan Gerai Buah-Buahan Segar.

### Susun strategi

Selain itu, kementerian turut menyusun strategi pengukuhan saluran pengedaran dan pemasaran kerana kedua-duanya adalah elemen penting dalam nilai sektor agromakanan.

Ruang pasaran itu bukan hanya tertumpu kepada pasaran tempatan, malahan perlu menjangkau pasaran eksport yang lebih menguntungkan.

Strategi lain ialah meningkatkan akses kepada kemudahan kewangan kerana menyedari industri agromakanan berisiko tinggi, malahan dikaitkan dengan kadar pulangan modal pelaburan yang rendah, sering kerugian akibat terjejas oleh bencana alam dan kebergantungan kepada tenaga buruh asing yang tinggi.

Justeru, inisiatif untuk memudahkan pinjaman mikro diwujudkan dengan tumpuan akan diberikan kepada khidmat pembiayaan inklusif dengan menyediakan akses kepada pelbagai jenis perkhidmatan kewangan yang menawarkan pembiayaan pada kadar berpatutan, khusus bagi masyarakat berpendapatan rendah (B40), golongan belia dan masyarakat luar bandar.

Turut diwujudkan dalam hala tuju kementerian ialah peningkatan pendapatan dan menjaga kebajikan petani.

### Laksana Program SKB

Oleh itu, pelbagai usaha dirangka untuk menjadikan sektor agromakanan sebagai sumber pendapatan tetap dan menguntungkan menerusi Program Sumber Kekayaan Baharu (SKB), industri asas tani dan tanaman alternatif.

Program SKB ini dilaksanakan menerusi pembangunan industri kelapa, nanas, durian, tenusu dan ruminan serta jagung bijian yang berpotensi untuk menjana pendapatan lumayan.

Selain itu, program SKB juga bermatlamat untuk mengurangkan kebergantungan kepada bekalan makanan import.

**Jualan hasil pengeluaran bagi tanaman padi, ternakan dan perikanan**

Jumlah pengeluaran ('000 tan metrik)

| | 2019 | 2019 |
|---|---|---|
| Padi | 2,803 | 2,830 |
| Daging Lembu/ Kerbau | 47 | 51 |
| Daging Ayam/ Itik | 1,768 | 1,830 |
| Telur Ayam/ Itik | 950 | 1,001 |
| Susu (juta liter) | 42 | 44 |
| Tangkapan marin | 1,469 | 1,474 |
| Akuakultur | 425 | 430 |
| Sayur-sayuran | 1,085 | 1,113 |
| Buah-buahan | 1,638 | 1,654 |

GRAFIK BH

# Program SKB fokus kelapa, nanas, durian

**Kuala Lumpur:** Program Sumber Kekayaan Baharu (SKB) yang terkandung dalam pelan Hala Tuju Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani: Prioriti & Strategi 2019 - 2010 akan memberi fokus kepada tiga komoditi agromakanan utama iaitu kelapa, nanas dan durian.

Malahan, kerajaan turut melakukan kajian untuk mengkomersialkan penanaman pokok ketum bagi memenuhi permintaan tinggi industri farmaseutikal di luar negara, terutama Eropah dan Amerika Syarikat.

Ia sebagai alternatif untuk meningkatkan pendapatan petani selain memberi pulangan ekonomi kepada negara.

Bagaimanapun, maklumat mengenai tanaman ketum sedang dikumpul untuk diperhalusi yang turut merangkumi aspek teknikal, penanaman, penjagaan, pembiakan dan pemprosesan.

Kajian tanaman ketum juga akan meliputi perkara seperti akta dan bidang kuasa membabitkan aktiviti pengkomersialan dan pengeksportan, keselamatan dan kesihatan serta implikasi pemasaran, ekonomi dan sosial.

Terdahulu dalam program SKB bagi kelapa, seluas 12,250 hektar kawasan akan dibangunkan dan dipulihkan membabitkan 10,250 peserta di seluruh negara.

Pembangunan itu meliputi pembukaan kawasan baharu, penanaman semula, pemulihan kawasan sedia ada dan integrasi antara komoditi kelapa dengan tanaman dan ternakan lain.

Varieti hibrid dan varieti kelapa rendah berhasil tinggi akan diguna kerana kedua-duanya mampu memberi hasil sebanyak 25,000 biji sehektar dalam tempoh setahun.

Sementara itu, Malaysia juga mempunyai daya saing dalam pengeluaran dan pengeksportan nanas segar berbanding negara pesaing seperti Thailand dan Indonesia. Pada 2017, Malaysia tersenarai negara pengeksport nanas segar kedua terpenting selepas Filipina di Asia.

### Guna tanah secara optimum

Sehubungan itu, penekanan akan diberi kepada peningkatan produktiviti dan pengeluaran nanas bernilai tinggi menerusi pelbagai inisiatif, antaranya menerusi peningkatan penggunaan tanah secara optimum, penggalakan pelaburan pihak swasta, penghasilan produk bernilai tinggi menerusi penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan inovasi dengan jalinan kerjasama bersama-sama agensi penyelidik awam atau swasta.

Bagi durian pula, keluasan tanaman buah itu yang direkodkan pada 2017 adalah 72,000 hektar dengan pengeluaran sebanyak 210,000 tan metrik.

Jumlah eksport durian pada tahun 2015 sebanyak 19,892 tan metrik bernilai RM65 juta, dan meningkat sebanyak enam peratus kepada RM68 juta pada 2016.

Negara pengimport utama komoditi durian ialah Singapura, China, Hong Kong, Indonesia, Amerika Syarikat dan Australia.

Melihat kepada potensi pasaran yang besar, perladangan durian premium iaitu D197 dan D24 akan diperluaskan. Dalam masa sama, eksport pulpa durian, pes durian dan produk berasaskan durian akan dipergiatkan, termasuk memperkenalkan durian kampung yang berkualiti.

**Mengurangkan kebergantungan yang melampau kepada orang tengah**

| | 2019 | 2020 |
|---|---|---|
| Jumlah nilai belian (RM) | RM25.50 juta | RM26.80 juta |
| Jumlah nilai jualan usahawan runcit (RM) | RM1,440.00 juta | RM21,446.30 juta |
| Jumlah nilai jualan usahawan (RM) | RM610.40 juta | RM613.40 juta |

GRAFIK BH

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Warkah Wak Ibas 'cairkan'Salahuddin di atas pentas | | |
| MediaTitle | Malaysiakini(www.malaysiakini.com) | | |
| Date | 15 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 3 |
| Order Rank | 4 | Readership | 7 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,350 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,050 |

# Warkah Wak Ibas 'cairkan'Salahuddin di atas pentas

News | Diterbitkan Hari ini 11:20 tengahari | Dikemaskini Hari ini 11:20 tengahari
Seorang petani warga emas dari Sungai Besar berjaya membuatkan air mata menteri pertanian tumpah, melalui sepucuk surat berkaitan keluh kesah golongan itu.Ibas Hamud atau ...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Minister of Agriculture cried while reading letter of plea | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 15 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 294,476 |
| Page No | 14 | Readership | 883,428 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 161 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,032 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 15,096 |



# 農長讀陳情書哭了

## 承諾致力確保農民獲援助



农长沙拉胡丁（中）在推介部门方向蓝图时，在开幕表演环节上，阅读农民代表伊巴斯所的农民困境陈情书时，一时难掩悲伤情绪，当场落泪。图示其夫人法蒂玛和伊巴斯看到部长掩面掉泪，马上给予安慰。

（沙登14日讯）农业及农基工业部长沙拉胡丁今日在推介部门方向蓝图的仪式上，在阅读农民呈上的陈情书后，难掩悲伤情绪，当场洒泪。

虽然这是开幕仪式的噱头，但部长似乎有所感触，在阅读信件时哽咽断续，触动了在场的出席者。

有关信件是由大港农民组织代表、77岁的伊巴斯交给部长，信中提到农民和渔民对补贴削减的担忧。

沙拉胡丁在读信时掉泪，其妻子拿督法蒂玛则拍拍其肩加以安慰，并用纸巾擦拭眼泪。

农长承诺只要一日为农长，将会致力确保农民获得援助。

农长在致词时也说，尽管书信是开幕噱头，但却是农民的真实的心声。

伊巴斯过后称，部长当时真的在掉泪，不是噱头，袖子都被泪沾湿了，触动到他也差点落泪。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Ministry of Agriculture launches development blueprint | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 15 Feb 2019 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 294,476 |
| Page No | 14 | Readership | 883,428 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 188 cm² |
